KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KERJA RAYA PERKUKUH PERALIHAN TENAGA SEKTOR AWAM: LIMA LAGI PROJEK FOTOVOLTA SURIA DISERAH, PACU INFRASTRUKTUR KERAJAAN RENDAH KARBON

PUTRAJAYA - Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia terus menterjemahkan komitmen negara terhadap peralihan tenaga dan pembangunan rendah karbon kepada tindakan nyata menerusi penyerahan lima (5) lagi projek Sistem Fotovolta Suria Tersambung Grid *(Grid-Connected Photovoltaic - GCPV)* di bangunan Kerajaan, melibatkan Kementerian Luar Negeri (KLN), Institut Penyelidikan Air Kebangsaan (NAHRIM), Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

2. Pelaksanaan inisiatif ini adalah selari dengan aspirasi negara ke arah pelepasan gas rumah hijau sifar bersih menjelang 2050 serta Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara *(National Energy Transition Roadmap* - NETR) yang meletakkan peningkatan penggunaan Tenaga Boleh Baharu (TBB) sebagai antara pemacu utama transformasi sektor tenaga. Dalam konteks infrastruktur Kerajaan, pemanfaatan tenaga solar menyumbang kepada pengurangan jejak karbon dan pengurusan aset awam yang lebih mampan.

3. Lima (5) projek tersebut merangkumi enam (6) premis Kerajaan dengan jumlah kapasiti terpasang 779.86 kiloWatt *peak* (kWp) dan potensi penjanaan tenaga elektrik sebanyak 1,070 MegaWatt-jam (MWj) setahun. Kesemua projek berjaya disiapkan lebih awal daripada Tarikh Siap Asal atau *Ahead of Time* (AOT) tanpa lanjutan masa. Berdasarkan unjuran prestasi sistem, penjanaan ini berupaya mengelakkan pelepasan sekitar 791 tan metrik karbon dioksida setara (tCO_2e) setahun, di samping memberikan potensi penjimatan bil elektrik Kerajaan sekitar RM485 juta setahun.

4. Secara keseluruhannya, Kementerian Ekonomi memperuntukkan RM57.6 juta bagi program ini dengan sasaran awal kapasiti sembilan (9) MegaWatt *peak* (MWp) di bangunan Kerajaan di Semenanjung Malaysia. Berdasarkan status pelaksanaan semasa, portfolio program kini merangkumi 19 projek melibatkan 46 premis Kerajaan dengan kapasiti kumulatif 9.68 megawatt pada pelbagai peringkat pelaksanaan.

5. Apabila keseluruhan projek mencapai operasi penuh, sistem yang dibangunkan diunjurkan berupaya menjana sekitar 13,200 MegaWatt-jam (MWj) tenaga elektrik setahun. Berdasarkan analisis semasa, potensi penjimatan kasar bil elektrik Kerajaan dianggarkan sekitar RM5.5 juta setahun dan secara kumulatif boleh menghampiri RM130 juta sepanjang tempoh hayat sistem selama 25 tahun.

6. Tahun 2026 menandakan fasa baharu dalam ekosistem solar negara menerusi peralihan daripada skim *Net Energy Metering* (NEM) kepada *Solar Accelerated Transition Action Programme* (Solar ATAP) yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026. Solar ATAP meneruskan prinsip penggunaan sendiri tenaga yang dijana, di samping membolehkan lebihan tenaga disalurkan ke sistem grid tertakluk kepada ketetapan semasa. Perubahan ini memperkukuh kesinambungan usaha Kerajaan dalam memperluas penggunaan tenaga solar serta mengoptimumkan ruang sedia ada bagi menyokong pelaksanaan tenaga bersih termasuk dalam sektor awam.

7. Bagi KKR, penyerahan fizikal bukanlah titik akhir. Sistem yang telah siap perlu disenggara dan dipantau secara berterusan berasaskan data operasi bagi mengekalkan prestasi penjanaan, penjimatan dan kebolehpercayaan. Sepanjang Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP), pihak kontraktor hendaklah meneruskan tanggungjawab yang ditetapkan, manakala pengurusan aset perlu dilaksanakan secara konsisten bagi memastikan manfaat sistem dapat dikekalkan dalam jangka panjang. KKR kekal komited terhadap penyediaan infrastruktur Kerajaan yang cekap tenaga, rendah karbon dan berimpak tinggi kepada negara.

8. KKR merakamkan penghargaan kepada Kementerian Ekonomi serta semua kementerian, agensi, badan kawal selia, kontraktor serta pihak berkepentingan yang telah menjayakan program ini.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
14 OKTOBER 2026

#KearahKesejahteraanRakyat
#JasaKepadaRakyat
#MYJALAN
#TangkasBertindak
#KerajaanMADANI
#MADANIbekerja